

APLIKASI KAEDAH DARAR DALAM PELAKSANAAN EUTANASIA TERHADAP PESAKIT COVID-19: SATU SOROTAN LITERATUR

APPLICATION OF THE DARAR METHOD WITHIN THE IMPLEMENTATION OF EUTHANASIA TOWARDS COVID-19 PATIENTS: A LITERATURE REVIEW

**AHMAD MISBAH BIN MOHAMAD HILMI
MUHAMMAD BIN SHABERI
LUKMAN BIN ABD MUTALIB
MUHAMAD ISMAIL BIN ABDULLAH
ISMAIL BIN OMAR
MOHD ROFAIZAL BIN IBRAHIM
ABDUL HAKIM BIN BAHARUDIN @ ISMAIL**
Fakulti Syariah Dan undang-Undang,
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor
ismail@kuis.edu.my

ABSTRAK

Euthanasia ialah suatu perbuatan yang mematikan seseorang yang sangat sakit atau sangat tua supaya mereka tidak lagi menderita. Ia juga dikenali sebagai *mercy killing*. Menurut syaria Islam euthanasia adalah sesuatu yang diharamkan kerana ia termasuk dalam kategori pembunuhan sengaja (*Al-Qatlu Al-'Amad*). Meskipun niatnya baik iaitu untuk meringankan penderitaan pesakit namun, hukumnya tetap haram walaupun atas permintaan pesakit itu sendiri atau ahli keluarganya. Namun begitu, ketika pandemik *COVID-19* negara kita telah melaksanakan euthanasia terhadap pesakit yang disahkan positif *COVID-19*. Pegawai yang terlibat dalam merawat pesakit *COVID-19* ketika itu perlu memilih dalam memberikan keutamaan untuk memberikan bantuan pernafasan terhadap pesakit oleh kerana kekurangan fasiliti. Hal ini jelas telah bercanggah dengan hukum syarak dan undang-undang Malaysia yang telah mengharamkan pelaksanaan euthanasia. Oleh itu, kajian ini dijalankan bertujuan untuk menjelaskan konsep dan hukum euthanasia ketika berlaku *darar* menurut syarak dan menganalisis *darar* dalam pelaksanaan euthanasia terhadap pesakit *COVID-19*. Kajian ini adalah kajian kualitatif dan data-data diperolehi secara kajian perpustakaan dengan menganalisis artikel-artikel berkaitan dengan kajian kaedah darar dan pelaksanaan euthanasia. Dapatan awal dalam kajian ini bahawa kebanyakan kajian melibatkan pelaksanaan euthanasia hanyalah membahas berkaitan pesakit yang sudah mati otak ataupun dikenali euthanasia pasif. Justeru, kajian berkaitan euthanasia terhadap pesakit yang belum mati otak seperti pesakit *COVID-19* amatlah digalakkan untuk dilaksanakan. Selain itu, dapatan awal bagi kajian ini bahawa kaedah darar digunakan dalam pelaksanaan euthanasia terhadap pesakit *COVID-19*. Hal ini kerana wujudnya darar jika tidak dilaksanakan euthanasia terhadap pesakit *COVID-19*.

Kata Kunci: *Kaedah Darar, Euthanasia, Pesakit, COVID-19*

PENGENALAN

Menurut petikan dari hadis nabi SAW “*la darar wa la dirar*” membawa maksud kaedah ‘Tiada mudarat dan tidak boleh memberi mudarat’ adalah merupakan salah satu daripada lima kaedah fiqh yang utama dalam kitab *al-Qawa'id al-Kulliyah al-Khams* karya imam al-Sayuti dan menjadi kaedah dasar dan bersifat umum yang dapat diaplikasi pada perkara *juz'ie* dalam pelbagai hukum fiqh terhadap perbuatan mukallaf.

Perkataan *darar* dalam kaedah tersebut bermaksud sesuatu yang bertentangan dengan manfaat (Ibn Manzur: t.t), manakala menurut istilah pula ia bermaksud melakukan kerosakan terhadap kemaslahatan yang disyariatkan sama ada terhadap diri sendiri atau orang lain secara tidak benar, melampau atau cuai (Zaydan, 2001). Kajian Musfirah dan Azhan mengambil pandangan Ibn Manzur terdapat perbezaan pendapat di kalangan fuqaha mengenai maksud perkataan *dirar*. Terdapat fuqaha yang mengatakan maknanya sama seperti *darar* dan disebut dengan kedua-duanya dalam hadis dengan tujuan *ta'kid* (penguat), dan ada juga yang menyatakan terdapat perbezaan antara keduanya. Sebahagian ulama menyatakan yang dimaksudkan dengan '*darar*' ialah memberi mudarat kepada orang lain yang tidak memudaratkan kamu. Sedangkan yang dimaksudkan '*dirar*' ialah membalas orang yang memudaratkan kamu dengan hal yang tidak setara dan bukan untuk membela kebenaran. (Nor Musfirah Mohamad, Azhan Taqiyaddin Arizan, 2021)

Justeru, kaedah fiqh ini menjelaskan bahawa semua jenis kemudaratkan yang menimpa mana-mana pihak, maka kemudaratkan itu wajib dihilangkan daripada terus berlaku. Wajib ke atas setiap individu menghilangkan mudarat terhadap dirinya, begitu juga tidak harus bagi individu tersebut menyebabkan mudarat kepada orang lain (Zaydan. 2001). Menurut Imam alSayuti kemudaratkan wajib dihilangkan sebelum berlakunya perkara tersebut, wajib juga dihilangkan ketika berlakunya perkara tersebut dengan menghilangkan mudarat tersebut, atau menyediakan alternatif lain bagi menggantikan mudarat dan menjatuhkan hukum kepada pelaku mudarat dengan hukuman yang sesuai (al-Sayuti, 1983). Menurut Zulfakar dan Muiz, contoh pelaksanaan kaedah ini adalah suntikan vaksin perlu diambil oleh bayi bagi mengelakkan mudarat ke atas bayi tersebut dan mudarat yang mungkin menimpa bayi lain kesan daripada bayi tersebut yang tidak mengambil vaksin (Nor Musfirah Mohamad, Azhan Taqiyaddin Arizan, 2021).

Eutanasia ialah suatu perbuatan yang mematikan seseorang yang sangat sakit atau sangat tua supaya mereka tidak lagi menderita (*Cambridge dictionary*). Ia juga dikenali sebagai *mercy killing*. Eutanasia dari segi bahasa berasal dari bahasa Yunani "*eu*" yang bererti baik, dan "*Thanatos*" yang bererti kematian. Dalam bahasa Arab pula ia dikenali dengan istilah *qatlu ar-rahma* atau *tasyir al-maut*. Menurut istilah perubatan eutanasia bererti tindakan agar kesakitan atau penderitaan yang dialami seseorang yang akan meninggal diringankan juga bererti mempercepat kematian seseorang yang ada dalam kesakitan dan penderitaan hebat menjelang kemaatiannya (Indra Bachri, 2019). Menurut undang-undang Malaysia, eutanasia tidak dibenarkan untuk dilaksanakan berdasarkan akta 574, Kanun Keseksaan (Fadhlina Alias, 2021). Menurut syaria Islam eutanasia adalah sesuatu yang diharamkan kerana ia termasuk dalam kategori pembunuhan sengaja (*Al-Qatlu Al-'Amad*) (Indra Bachri, 2019).

Seterusnya, menurut Dr. R. Soeprono eutanasia terbahagi kepada empat bentuk. Yang pertama, Eutanasia Sukarela (Voluntary Euthanasia), iaitu permintaan dari pesakit untuk tidak memberikan perawatan atau pemasangan alat bantuan yang memperpanjang hidupnya. Yang kedua, Eutanasia Terpaksa (Involuntary Euthanasia) iaitu membiarkan pesakit hingga mati dengan menghentikan perawatan pesakit tanpa pengetahuan dan persetujuan pesakit. Yang ketiga, Mercy Killing (Voluntary Mercy Killing) iaitu adanya persetujuan atau kesepakatan antara pegawai perubatan dan pesakit untuk tindakan mempercepat kematian. Yang keempat, Mercy Killing terpaksa (Involuntary Mercy Killing) iaitu tindakan sengaja tanpa adanya pengetahuan daripada pesakit (Arif Dian Santoso, Astri Fitriani, 2020).

PERNYATAAN MASALAH

Senario awal pandemik di Malaysia bermula tahun 2020 adalah luar jangkaan. Malaysia mula diserang wabak *novel coronavirus* atau juga dikenali sebagai *COVID-19* pada tarikh 25 Januari 2020. Pada tarikh tersebut sebanyak 4 orang telah disahkan positif *COVID-19* (portal rasmi kerajaan). Pada peringkat awal *COVID-19* Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) masih mampu menampung bilangan pesakit *COVID-19* untuk dirawat di hospital. Namun, oleh kerana bilangan kes semakin meningkat dan dijangka akan menaik secara mendadak, pada bulan April 2020 KKM telah membuka pusat kuarantin di Taman Ekspo Pertanian Malaysia (MAEPS) sebagaimana yang telah dilaporkan berita (Astro Awani, 28 Mac 2020). Sepanjang pandemik *COVID-19* KKM telah membuka banyak lagi pusat kuarantin di dalam negara ini oleh kerana jumlah pesakit *COVID-19* terlalu ramai. Menurut Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr. Noor Hisham Abdullah disebabkan bilangan pesakit yang terlalu ramai sehingga berlaku kesesakan di hospital dan pusat kuarantin yang sedia ada atas keperluan pihak KKM telah mempertimbangkan pelaksanaan kuarantin di rumah, asrama pekerja, atau hotel terpilih bagi kes-kes yang tidak bergejala atau tidak berisiko (Utusan Malaysia, 19 Januari 2021).

Pihak Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah mengkategorikan pesakit *COVID-19* kepada lima tahap. Pesakit di tahap empat dan lima memerlukan alat bantuan pernafasan dan oksigen namun kuantitinya adalah terhad bagi menampung bilangan pesakit *COVID-19* yang semakin meningkat. Senario pandemik bertambah kronik apabila kematian pesakit tahap 5 meningkat. Senario ketika itu pesakit tahap empat dan lima yang bertambah ramai sehingga ketidakcukupan alat bantuan di wad ICU. Manakala, senario pesakit yang sangat kritikal yang tiada harapan untuk sembuh menurut pakar perubatan diambil tindakan eutanasia bagi memberi ruang kepada pesakit yang masih mempunyai harapan untuk dibantu dengan peralatan. Tambahan pula, menurut Perdana Menteri Malaysia, Tan Sri Muhyiddin Yassin, sistem kesihatan negara sudah menghadapi keadaan genting dimana kadar penggunaan katil di unit rawatan rapi (ICU) di hospital Hospital Kuala Lumpur dan di Pusat Perubatan Universiti Malaya telah mencapai 100 peratus manakala di hospital Sungai Buloh pula telah mencapai 83 peratus (Sinar Harian, 11 Januari 2021). Di samping itu, menurut Perdana Menteri Malaysia juga, "*Malaysia mencatatkan lebih 100 kes kematian setiap bulan bagi bulan Oktober hingga Disember 2020 berbanding dua hingga 59 kes kematian sebulan bagi bulan Mac hingga September 2020*" (Sinar Harian, 11 Januari 2021). Selain itu, menurut Presiden Persatuan Hospital Swasta Malaysia (APHM), Dr Kuljit Singh, kebanyakan hospital swasta tidak lagi mampu menerima pesakit *COVID-19* terutama di Lembah Klang oleh kerana semua katil dan wad covid-19 serta wad unit rawatan rapi (ICU) telah dipenuhi (Malaysia Kini, 29 April 2021). Sebagai tambahan, kes harian *COVID-19* pada ketika itu telah mencecah 3,000 kes melepasi angka 2,000 kes sejak 15 April 2021 (Malaysia Kini, 29 April 2021).

Hasil dari temu bual pakar perubatan dari Jabatan Kesihatan Negeri Selangor (JKNS), negara kita telah melaksanakan eutanasia iaitu dengan menghentikan alat bantuan pernafasan kepada pesakit *COVID-19* oleh kerana kekurangan fasiliti. Menurut beliau, pegawai ketika itu terpaksa memilih untuk mengutamakan pesakit *COVID-19* yang ada peluang untuk pulih (Transkrip temu bual pakar perubatan JKNS pada 10 Mei 2022). Walaupun begitu, hal ini jelas telah bercanggah dengan hukum syarak.

Oleh itu, kajian ini akan membincangkan isu *darar* dalam pelaksanaan eutanasia terhadap pesakit *COVID-19*. Adakah tindakan eutanasia yang telah diambil sesuai dalam situasi pandemik yang sangat kritikal? Dan bagaimana pula sudut pandangan islam?

Asas kepada perbincangan pelaksanaan eutanasia sangat jelas, iaitu dalil-dalil yang mengharamkan pembunuhan. Baik pembunuhan jiwa orang lain, mahupun membunuh diri sendiri. Dalam al-Quran Allah SWT telah berfirman yang bermaksud; “*Dan janganlah kamu membunuh jiwa yang diharamkan Allah (untuk membunuhnya) melainkan dengan sesuatu (sebab) yang benar.*” (Surah al- An'am: 151) Selain itu, Allah juga telah berfirman yang bermaksud; “*Dan tidak layak bagi seorang mukmin membunuh seorang mukmin (yang lain), kecuali karena tersalah (tidak sengaja) ...*” (Surah an-Nisa: 92). Dari dalil-dalil di atas, jelaslah bahwa orang yang melaksanakan eutanasia hukumnya adalah haram. Hal ini kerana, tindakan tersebut termasuk dalam kategori pembunuhan sengaja yang merupakan perbuatan jenayah dan berdosa besar.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini merupakan kajian kualitatif dengan menggunakan pakai metod pengumpulan data melalui kajian perpustakaan serta analisis kandungan artikel-artikel yang menerangkan kajian berkaitan kaedah *darar* dalam pelaksanaan eutanasia terhadap pesakit *COVID-19*.

OBJEKTIF KAJIAN

1. Menjelaskan konsep dan hukum eutanasia ketika berlaku *darar* menurut syarak.
2. Menganalisis *darar* dalam pelaksanaan eutanasia terhadap pesakit *COVID-19*.

PERSOALAN KAJIAN

1. Apakah konsep dan hukum eutanasia ketika berlaku *darar* menurut syarak?
2. Apakah *darar* dalam pelaksanaan eutanasia terhadap pesakit *COVID-19*.

KONSEP KAEDAH DARAR DALAM PERLAKSANAAN EUTANASIA

Definisi Kaedah Darar

Perkataan *الضرورة* ini adalah seumpama kalimah *الاضطرار* dari sudut pecahan kalimahnyanya iaitu berasal dari kalimah *ضرر* iaitu Dharar (Ibn Manzur, 1993). Kalimah tersebut memberi maksud *الاحتياج الى الشيء* (berhajat kepada sesuatu), atau dengan contoh penggunaannya seperti *اضطرار* *اليه* *أوجه* yang bermaksud *darurah* ia kepada sesuatu iaitu berhajat kepadanya. Kalimah *al-Darurah* juga digunakan dengan istilah *العذر* yang bermaksud keuzuran dan *المشقة* iaitu kesukaran. Kedudukan *masyaqqah* sebagai unsur yang jelas dalam *darurah* diambilkira sekiranya memberi kesan kepada *daruriyyat al-khams* (Jamil Muhammad Mubarak, 2003).

Dalil Kaedah Darar

Kaedah ini berdasarkan tegahan Allah SWT yang melarang perbuatan yang memberi mudarat kepada diri dan orang lain berdasarkan al-Quran dan al-hadis nabi SAW. Dalil daripada al-Quran berdasarkan firman Allah SWT:

Maksudnya: “Apabila kamu menalak isteri-isterimu, lalu mereka mendekati akhir iddahnya, maka rujuklah mereka dengan cara yang ma'ruf, atau ceraikanlah mereka dengan cara yang ma'ruf (pula). Janganlah kamu rujuk mereka untuk memberi kemudahan, kerana dengan demikian kamu menganiaya mereka. Barang siapa berbuat demikian, maka sungguh ia telah berbuat zalim terhadap dirinya sendiri. Janganlah kamu jadikan hukum-hukum Allah sebagai permainan. Dan ingatlah nikmat Allah padamu, dan apa yang telah diturunkan Allah kepadamu iaitu al-Kitab (al-Qur'an) dan al-Hikmah (as-Sunnah). Allah memberi pengajaran kepadamu dengan apa yang diturunkan-Nya itu. Dan bertakwalah kepada Allah serta ketahuilah bahawasanya Allah Maha Mengetahui segala sesuatu” (Surah al-Baqarah 2: 231).

Menurut Ibn Kathir (t.t) berpendapat bahawa Allah SWT melarang suami rujuk isterinya yang ditalak bertujuan (berniat) untuk memberi kemudahan kerana ia adalah perbuatan zalim kepada isteri.

Menurut Sabda Rasulullah SAW: ‘Daripada ibn ‘Abbas ra berkata: sabda Rasulullah s.a.w: Tiada mudarat dan tidak boleh memberi mudarat’ [Ibn Majah, no. 2431]

Hadis di atas nabi menegaskan bahawa tidak boleh sebarang tindakan yang boleh membawa kemudahan kepada diri dan orang lain. Hadis ini juga menjadi dasar kaedah fiqh yang membentuk pelbagai ungkapan yang berkaitan darurat dan mudarat. Prinsip Islam melarang daripada menyakiti dan membalas sesama saudara Muslim dengan memudaratkan melalui ungkapan, perbuatan atau sebab yang lain tanpa hak, sama ada ia mempunyai manfaat atau tidak. Oleh itu perkara ini sangat berbahaya kerana lebih kepada kepentingan diri sendiri sahaja untuk mempunyai manfaat namun orang lain tidak mempunyai manfaat malah merugikan. Oleh itu hadis ini sangat bersesuaian untuk menjadi hujah bagi mengelak kemudahan serta memberi kepentingan kepada semua umat Islam dalam segala suruhan Allah SWT dalam apa jua keadaan.

Kaedah-Kaedah Pecahan Bagi Kaedah Darar

Kaedah ‘Tiada mudarat dan tidak boleh memberi mudarat’ (*la darar wa la dirar*) adalah kaedah dasar, terdapat sejumlah kaedah yang berkaitan dengan kaedah ini. Antara kaedah pecahan yang utama adalah seperti berikut: (Ibnu Nujaim. t.t) a. Kemudahan hendaklah dihilangkan (*ad-darar yuzal*).

Kaedah ini bermaksud sekiranya berlaku kemudahan maka ia wajib dihilangkan. Ia juga bermaksud sesuatu yang boleh menyebabkan dan mendatangkan bahaya mesti dihapus dan dihindarkan. Oleh itu, kerosakan dan kemudahan kepada diri sendiri dan juga orang lain tidak boleh dilakukan malah wajib dihindarkan atau dihilangkan termasuk yang berkaitan dengan hak umum. Jumhur ‘ulama juga menetapkan bahawa segala yang boleh memudaratkan kaum muslimin wajib dijauhi. Kaedah ini lahir antaranya daripada firman Allah SWT:

Maksudnya: ‘Dan janganlah kamu membuat kerosakan di muka bumi, sesudah (Allah) memperbaikinya dan berdoalah kepada-Nya dengan rasa takut (tidak akan diterima) dan harapan (akan dikabulkan). Sesungguhnya rahmat Allah amat dekat kepada orang-orang yang berbuat baik (Surah al-A’raf (7): 56)

b. Menanggung kemudaratan yang khusus untuk menolak kemudaratan yang umum (*yahtamilu ad-darar al-khas lidaf’u ad-dararul ‘am*)

Jika bertembung antara perkara yang memberikan kemudaratan kepada umum dan kemudaratan khusus, maka dibolehkan untuk melakukan perkara yang membawa kepada kemudaratan khusus bagi mengelakkan berlakunya kemudaratan kepada umum. Mudarat umum melibatkan semua orang, sedangkan mudarat khusus melibatkan individu atau golongan kecil sahaja, maka dalam keadaan berlaku pertembungan antara mudarat umum dan mudarat khusus yang lebih rendah kedudukannya, maka mudarat umum perlu dihindari terlebih dahulu sekalipun terpaksa melakukan mudarat khusus (al-Nadawi 1998). Antara contoh pelaksanaan kaedah ini ialah seperti seseorang yang menghidap penyakit yang mudah berjangkit akan dikenakan perintah kuarantin bagi mengelakkan penyakit tersebut merebak kepada orang ramai.

c. Menolak kerosakan lebih utama dari mendatangkan kebaikan (*Dar`ul mafasid awla min jabil masolih*)

Kaedah ini bermaksud menolak mudarat adalah lebih didahulukan dari mendatangkan maslahat. Imam ‘Izz al-Din ‘Abd al-Salam menyatakan di dalam kitabnya *Qawa'id al-Ahkam fi Masalih al-Anam* bahawa dengan melakukan kaedah menolak kemudaratan ia sekaligus telah mencapai maksud mendatangkan maslahat itu sendiri. Ini kerana maslahat juga akan tercapai dengan menghilangkan mudarat sedia ada atau mencegah daripada berlakunya mudarat. Ini kerana Allah SWT lebih menekankan mencegah perkara yang dilarang terlebih dahulu berbanding melakukan perkara yang diperintahkan. Antara contoh pelaksanaan kaedah ini ialah (al-Suyuti, 2016; Ibnu Nujaim, t.th.); Solat tanpa wuduk, menutup aurat dan menghadap kiblat.

d. Kemudaratan dihindari daripada berlaku mengikut kadar kemampuan (*ad-darar yadfa'u biqadaril imkan*)

Kaedah ini bermaksud kemudaratan harus dihindari daripada berlaku mengikut kadar kemampuan. Oleh itu, segala usaha hendaklah dilakukan untuk membendung atau menyekat supaya tidak berlaku sesuatu kemudaratan. Ia juga terkait dalam bab menutup pintu kerosakan (*sadd al-zara'i*). Sekiranya tidak dapat menghindari kesemua mudarat maka wajib menghindari sekadar yang boleh berdasarkan kemampuan (Sadlan, 1417H). Antara contoh pelaksanaan kaedah ini ialah pemerintah boleh mengenakan sekatan kepada orang yang berhutang untuk bermusafir ke luar negara berdasarkan permintaan dari pemiutang atau wakilnya.

e. Kesulitan memberi kemudahan (*Al- Musyaqqotu Tajlib at-Taysir*)

Maksudnya adalah jika dalam melaksanakan ketentuan *syara'* mukallaf menghadapi suatu kesulitan dan kesempitan yang melebihi batas kemampuan yang wajar, maka kesulitan tersebut secara automatik mewujudkan ketentuan yang bersifat meringankan. Allah SWT berfirman: Maksudnya “Allah menghendaki kemudahan bagimu, dan tidak menghendaki kesulitan bagimu”. (al-Baqarah 2: 185)

f. Kemudaratan membolehkan hal-hal yang dilarang (*Ad-Dharurah Tubih Al-Mahzurah*)

Kaedah ini merupakan cabang dari kaedah *adh-dahrar yuzal*. Syarat bagi kaedah ini ialah tingkatan kemudaratan tidak lebih rendah dari yang dilarang, iaitu kepentingan tersebut sangat mendesak, seperti kelaparan. Adanya pencantuman kalimah (dengan syarat tingkatan kemudaratan tidak lebih rendah dari yang dilarang) menegaskan, tidak termasuk pengertian bolehnya memakan mayat seorang nabi bagi orang yang terpaksa karena kelaparan, karena darjat kehormatan seorang nabi lebih tinggi dibanding kepentingan bagi orang yang terpaksa (Dusuki Ibrahim, 2019).

g. Sesuatu bersifat keperluan mengambil hukum darurat (*Al-Hajah Tunazzil Manzilah Addharar*)

Maksud kaedah ini ialah sesuatu yang bersifat keperluan (*al-hajah*) mengambil hukum darurat yang mengubah hukum asal sesuatu perbuatan. Sepertimana sesuatu perbuatan yang haram diharuskan pada situasi darurat bagi mengelakkan kemudaratan, begitu juga diharuskan bagi sesetengah situasi yang bersifat *hajah* (keperluan). Hal ini sama ada keperluan itu bagi umum iaitu seluruh manusia atau khusus iaitu golongan-golongan yang tertentu. Walau bagaimanapun tidak semua keperluan (*al-hajah*) tersebut boleh mengambil hukum darurat, maka hendaklah dipastikan ia menepati syarat-syarat yang ditetapkan oleh para ulama. Masalah-masalah yang berkaitan dengan kaedah ini, antaranya dibolehkan melakukan transaksi dalam bentuk *ijarah* (upah, sewa jasa, imbalan), *Ji'alah* (upah atas suatu pekerjaan yang keberhasilannya untung-untungan), dan *hiwalah* (pengalihan hutang). Contoh lainnya, boleh melihat wanita karena ada hajah, misalnya dalam kegiatan perdagangan dan lain-lain, boleh memakan harta rampasan perang, kerana tuntutan keperluan pada waktu itu.

Sesuatu yang dibolehkan karena darurat dibatasi kebolehan nya sebatas ukuran daruratnya (*Ma Ubih Adh-Dharar Tuqoddar bi Qadariha*)

Maksudnya adalah, hal-hal yang dibolehkan kerana alasan dharurah atau hajah tidak boleh melampaui batas keperluan menolak atau menghindarkan kemudaratan atau hajat itu sendiri. Di antara masalah-masalah yang berkaitan dengan kaedah ini adalah, orang yang terpaksa karena kelaparan hanya boleh memakan bangkai sekadar mencegah bahaya kematian, boleh mengambil tumbuhan orang lain sebatas untuk memberi makan haiwan dan tidak boleh mengambilnya untuk dijual, boleh mengambil makanan yang berada di daerah perang hanya sekadar keperluan.

h. Kemudaratan tidak dihilangkan dengan kemudaratan lainnya (*Adh-Dharar La Yuzal bi AdhDharar*)

Maksudnya adalah seseorang yang sedang menghadapi keadaan darurat tidak boleh menolak atau menghindarkan dirinya dari keadaan tersebut dengan cara menimbulkan kemudaratan bagi orang lain. Contoh penerapan dalam kaedah ini adalah, orang yang kelaparan tidak boleh mengambil makanan orang lain yang juga kelaparan.

i. Mengambil tindakan paling ringan medarat (*Irtikab Akhaff Adh-Dhararain*)

Kaedah ini selengkapnya adalah jika dua *mafsadat* (yang menimbulkan kerosakan) bertentangan maka dijaga yang paling besar *mafsadatnya* dengan melakukan yang lebih ringan *mafsadatnya*. Kaedah ini merupakan cabang dari kaedah *adh-dharar la yuzal bi adh-dharar* iaitu, jika salah satu dari kemudaratan lebih besar dari yang lain, maka yang boleh dilakukan

adalah kemudharatan yang lebih ringan. Adapun contoh penerapan kaedah ini adalah syariat *qisas*, *hudud*, hukuman mati bagi pemberontak merupakan suatu hukuman yang disyariatkan berdasarkan pertimbangan segi berat ringannya kemudharatan yang ditimbulkan.

TINJAUAN KAJIAN LITERATUR BERKAITAN KAEDAH DARAR DALAM PELAKSANAAN EUTANASIA

Menurut Nor Musfirah Mohamad, Azhan Taqiyaddin Arizan (2021) menyatakan bahawa kaedah fiqh ‘tiada mudarat dan tidak boleh memberi mudarat’ (*la darar wa la dirar*) dan beberapa cabang kaedah diaplikasi dalam banyak permasalahan yang berkaitan dengan pelaksanaan dan arahan kerajaan semasa pandemik *COVID-19* di Malaysia dan mampu digarap sebagai penanda aras untuk penjagaan diri, masyarakat dan negara daripada ancaman virus ini. Walau bagaimanapun, kajiannya adalah bersifat umum dan tidak membincangkan darar dalam pelaksanaan eutanasia terhadap pesakit *COVID-19*. Oleh demikian, kajian ini akan menjelaskan konsep darar dalam pelaksanaan eutanasia terhadap pesakit *COVID-19*.

Eka Fatimah Saktiana (2021) dalam kajiannya berkenaan konsep darurat dalam hukum Islam yang mana kajian yang dilakukan terhadap fatwa Majlis Ulama’ Indonesia (MUI) nombor 33 tahun 2018 tentang penggunaan vaksin *measles rubella* untuk imunisasi menyatakan tinjauan darurat dalam fatwa tersebut telah sesuai dengan konsep darurat dalam hukum Islam, ia meraih manfaat dan menolak kemudharatan dalam rangka memelihara tujuan syara’, dan merupakan tujuan dari penggunaan vaksin itu sendiri. Walau bagaimanapun, kajiannya tidak membincangkan darar dalam pelaksanaan eutanasia terhadap pesakit *COVID-19*. Oleh demikian, kajian ini akan membincangkan darar dalam pelaksanaan eutanasia terhadap pesakit *COVID-19*.

Menurut Zulfakar Mamat (2020) menyatakan kaedah fiqh “*la darar wa la dirar*” dan beberapa pecahan kaedah yang berada dibawahnya telah diaplikasi dalam banyak permasalahan yang berkaitan dengan pelaksanaan dan arahan kerajaan semasa pandemik *COVID-19* di Malaysia. Walau bagaimanapun, kajiannya adalah bersifat umum dan tidak membincangkan darar dalam pelaksanaan eutanasia terhadap pesakit *COVID-19*. Oleh demikian, kajian ini akan menjelaskan konsep darar dalam pelaksanaan eutanasia terhadap pesakit *COVID-19*.

Menurut Andi Nur Afifah Ikrimah et al. (2020) menyatakan hasil penelitian ditemukan adalah yang pertama eutanasia bertentangan dengan kod etika doktor walaupun ia diamalkan di beberapa buah negara melalui prosedur dan syarat yang harus dipenuhi. Kedua mudarat harus dihilangkan akan tetapi tidak boleh dihilangkan dengan kemudharatan yang lain. Ketiga eutanasia terbahagi dua iaitu eutanasia aktif dan eutanasia pasif. Eutanasia aktif ulama’ bersepakat bahawa hukumnya haram, sedangkan eutanasia pasif terdapat perbezaan pandangan ulama’. Walau bagaimanapun, kajiannya tidak membincangkan darar dalam pelaksanaan eutanasia terhadap pesakit *COVID-19*. Oleh demikian, kajian ini akan menjelaskan darar dalam pelaksanaan eutanasia terhadap pesakit *COVID-19*.

Menurut Setiyawan Gunardi et al. (2020) menyatakan bahawa Fiqh Darurat secara konsep merupakan panduan dalam menyelesaikan isu-isu fiqh ketika penularan pandemik *COVID-19* berlaku. Implikasi kajian secara aplikasi membuktikan bahawa isu-isu fiqh dapat ditangani

dengan baik melalui Fiqh Darurat. Walau bagaimanapun, kajiannya hanya membincangkan kaedah darurat dari sudut umum ketika pandemik dan tidak memfokuskan isu darar dalam pelaksanaan eutanasia terhadap pesakit *COVID-19*. Oleh demikian, kajian ini akan memfokuskan isu darar dalam pelaksanaan eutanasia terhadap pesakit *COVID-19*.

Menurut Zanariah Dimon (2019) menyatakan undang-undang sivil mahupun undang-undang keluarga Islam di Malaysia telah memperuntukkan perlindungan dan penyelesaian dalam menangani *dharar* emosi yang dihadapi oleh isteri. Walau bagaimanapun, kajiannya hanya membincangkan *dharar* emosi dan tidak membincangkan darar dalam pelaksanaan eutanasia terhadap pesakit *COVID-19*. Oleh demikian, kajian ini akan membincangkan darar dalam pelaksanaan eutanasia terhadap pesakit *COVID-19*.

Menurut Didi Mashudi et al. (2018) dalam kajiannya iaitu implementasi prinsip fiqh *ad-Dharar Yuzal* prinsip pelaburan dana haji Indonesia menyatakan hasil kajian menunjukkan dana haji Indonesia yang paling selamat adalah melalui pelaburan sukuk. Walau bagaimanapun, kajiannya hanya memfokuskan kaedah *dharar* di dalam bab pelaburan dan tidak membincangkan isu darar dalam pelaksanaan eutanasia terhadap pesakit *COVID-19*. Oleh demikian, kajian ini akan membincangkan isu darar dalam pelaksanaan eutanasia terhadap pesakit *COVID-19*.

Menurut Fadhlina Alias (2021) menyatakan terdapat keperluan yang amat jelas untuk pembentukan kerangka undang-undang bagi mengawal selia penjagaan kesihatan di akhir hayat di Malaysia. Tujuannya untuk memberikan panduan yang lebih jelas kepada pengamal perubatan dan jaminan tentang kesahan tindakan mereka. Walaupun begitu, kajiannya tidak menyentuh isu darar dalam pelaksanaan eutanasia terhadap pesakit *COVID-19*. Oleh demikian, kajian ini membincangkan isu darar dalam pelaksanaan eutanasia terhadap pesakit *COVID-19*.

Menurut Al-Ieslah Badrul Hisham et al. (2021) menyatakan wujud kekaburan dari segi undang-undang dan etika perubatan di Malaysia. Beliau mencadangkan terdapat keperluan berkaitan mekanisme yang lebih jelas dari aspek undang-undang dan etika perubatan berkaitan eutanasia di Malaysia. Walau bagaimanapun, kajiannya tidak membincangkan isu darar dalam pelaksanaan eutanasia terhadap pesakit *COVID-19*. Oleh demikian, kajian ini akan darar dalam pelaksanaan eutanasia terhadap pesakit *COVID-19*.

Menurut Yohanes Firmansyah et. al (2020) menyatakan eutanasia adalah satu usaha bagi membebaskan seseorang dari rasa sakit yang berpanjangan. Namun, dari sudut pandangan lain eutanasis adalah satu jenayah dan bercanggah dengan agama, etika, dan prinsip undang-undang. Walau bagaimanapun, kajiannya tidak membincangkan berkaitan darar dalam pelaksanaan eutanasia terhadap pesakit *COVID-19*. Oleh demikian, kajian ini akan membahaskan berkaitan darar dalam pelaksanaan eutanasia terhadap pesakit *COVID-19*.

Menurut Arif Dian Santoso, Astri Fitriani (2020) menyatakan dalam pandangan hukum jenayah Islam, amalan euthanasia aktif tidak memiliki ruang untuk diterima kerana perbuatan ini telah menyalahi cara kehidupan yang Allah ciptakan. Seseorang yang melakukan perbuatan ini, baik keluarga, pesakit sendiri yang meminta ataupun inisiatif dari doktor, semuanya akan dihukum oleh Sang Maha Pencipta. Walau bagaimanapun, kajiannya hanyalah tertumpu pada sudut undang-undang jenayah Islam dan tidak diterangkan isu darar dalam pelaksanaan

eutanasia terhadap pesakit *COVID-19*. Oleh demikian, kajian ini akan membincangkan berkaitan iau darar dalam pelaksanaan eutanasia terhadap pesakit *COVID-19*.

Menurut Kasman Bakry et al. (2020) menyatakan eutanasia adalah bertentangan dengan kod etika doktor meskipun amalan ini diterapkan di beberapa buah negara melalui prosedur dan persyaratan yang harus dipenuhi. Selain itu, beliau juga menyatakan mudarat harus dihilangkan akan tetapi tidak boleh dihilangkan dengan kemudaratan yang lain. Seterusnya, beliau juga menyatakan eutanasia terbahagi dua iaitu eutanasia aktif dan eutanasia pasif. Ulama' bersepakat bahwa eutanasia aktif hukumnya haram, sedangkan eutanasia pasif terdapat perbezaan ulama' di dalamnya. Walau bagaimanapun, kajiannya hanya membahaskan dari sudut perundangan dan kaedah fiqh iaitu *ad-dhararu la yuzal bi-dharar* secara umum dan tidak membahaskan darar dalam pelaksanaan eutanasia terhadap pesakit *COVID-19*. Oleh demikian, kajian ini akan membincangkan darar dalam pelaksanaan eutanasia terhadap pesakit *COVID-19*.

Menurut Zilafania Rahmawati & Ashif Az Zafi (2020) menyatakan dalam pandangan moral kemanusiaan, euthanasia dianggap sebagai tindakan yang tidak bermoral bagi masyarakat Indonesia yang berasaskan rukun negara dan rukun pertamanya iaitu beriman kepada Allah. Selain itu, berdasarkan perspektif hukum Islam tindakan euthanasia aktif merupakan suatu tindakan yang disamakan dengan pembunuhan terancang dan ianya bercanggah dengan syarak. Seterusnya, euthanasia pasif yang merupakan tindakan menghentikan perubatan atau tidak memberikan perubatan para ulama' berbeza pendapat kerana mengubati atau berubat dari penyakit tidak wajib hukumnya. Walau bagaimanapun, kajiannya hanya membahaskan eutanasia dari sudut moral, perubatan dan perspektif hukum Islam secara umum dan tidak membincangkan darar dalam pelaksanaan eutanasia terhadap pesakit *COVID-19*. Oleh demikian, kajian ini akan membincangkan darar dalam pelaksanaan eutanasia terhadap pesakit *COVID-19*.

Menurut Indra Bachri (2019) menyatakan di Indonesia eutanasia tidak boleh dilaksanakan dan diklasifikasi sebagai perbuatan haram. Kedua-dua undang-undang positif dan kod etika berkaitan melaksanakan eutanasia adalah tidak dibenarkan, dari sudut pandangan Islam pula eutanasia aktif adalah suatu perbuatan yang ditegah dan akan dihukum oleh Allah dengan hukuman neraka bagi yang melakukannya. Walau bagaimanapun, kajiannya hanyalah menumpukan undang-undang di Indonesia dan tidak membahaskan darar dalam pelaksanaan eutanasia terhadap pesakit *COVID-19*. Oleh demikian, kajian ini akan membincangkan darar dalam pelaksanaan eutanasia terhadap pesakit *COVID-19*.

ANALISIS TINJAUAN LITERATUR BERKAITAN KAEDAH DARAR DALAM PELAKSANAAN EUTANASIA

Hasil tinjauan literatur berkaitan darar dalam pelaksanaan eutanasia terhadap pesakit *COVID19* mendapati bahawa banyak kajian yang telah dilakukan berkenaan darar dan tindakan eutanasia dalam mengetengahkan isu berkaitan hukum syarak, undang-undang jenayah, kode etika doktor, dan moral. Kajian-kajian tersebut boleh dirumuskan kepada beberapa isu utama bidang kajian berkaitan eutanasia iaitu kaedah darar dalam melaksanakan

eutanasia, kaitan undang-undang jenayah dengan eutanasia, kod etika doktor yang melarang pelaksanaan eutanasia, dan penerimaan masyarakat terhadap tindakan eutanasia.

Kaedah Darar

Terdapat banyak kajian akademik berkaitan kaedah *Darar* dalam pelbagai isu semasa samada ekonomi, perundangan, ibadah dan juga isu-isu keselamatan serta kesihatan kepada masyarakat awam dan juga dalam isu-isu khusus seperti penyakit berjangkit terutama bila berkaitan dengan penjagaan nyawa. Menurut Zulfaqar dalam tulisan beliau Aplikasi Kaedah Fiqh “La Darar Wa La Dirar” Dalam Isu Covid-19 Di Malaysia merumuskan dalam dapatan kajian menunjukkan kaedah fiqh “*la darar wa la dirar*” dan beberapa pecahan kaedah yang berada dibawahnya telah diaplikasi dalam banyak permasalahan yang berkait dengan pelaksanaan dan arahan kerajaan semasa pandemik COVID-19 di Malaysia. Walaupun ia tidak disebut secara jelas tetapi tindakan yang diambil adalah selari dengan kaedah fiqh tersebut yang menyarankan supaya semua kemudaratan dihilangkan.

Dalam kajian Wan Abdul Fattah Wan Ismail bertajuk Klef Orafasial: Panduan Prinsip Fiqh Dalam Perancangan Rawatan Pembedahan plastik telah banyak dibincangkan oleh para ulama’ sedunia. Fatwa menggunakan kaedah *al-Dharar Yuzal* iaitu melakukan pembedahan plastik dengan tujuan untuk mengembalikan fungsi tubuh yang rosak adalah dibenarkan, dan tidak dianggap mengubah ciptaan Allah. Keputusan ini adalah berdasarkan prinsip “*al-Dharar Yuzal*” iaitu mudarat perlu dihilangkan. Menurut Darul Ifta’ Misriyyah (2006): Sekiranya pakar perubatan menetapkan pembedahan perlu dilaksanakan untuk manfaat seseorang di mana pembedahan ini tidak mendatangkan kemudaratan kepada penerimanya maka ia diharuskan.

Kajian Setiyawan Gunardi et al. (2020) menyatakan bahawa Fiqh Darurat secara konsep merupakan panduan dalam menyelesaikan isu-isu fiqh ketika penularan pandemik *COVID-19* berlaku. Implikasi kajian secara aplikasi membuktikan bahawa isu-isu fiqh dapat ditangani dengan baik melalui Fiqh Darurat. Walau bagaimanapun, kajiannya hanya membincangkan kaedah darurat dari sudut umum ketika pandemik dan tidak memfokuskan isu darar dalam pelaksanaan eutanasia terhadap pesakit *COVID-19*. Oleh demikian, kajian ini akan memfokuskan isu darar dalam pelaksanaan eutanasia terhadap pesakit *COVID-19*. Begitu juga dalam tulisan Andi Nur Afifah Ikrimah et al. (2020) menyatakan hasil penelitian ditemukan adalah yang pertama eutanasia bertentangan dengan kod etika doktor walaupun ia diamalkan di beberapa buah negara melalui prosedur dan syarat yang harus dipenuhi. Kedua mudarat harus dihilangkan akan tetapi tidak boleh dihilangkan dengan kemudaratan yang lain. Ketiga eutanasia terbahagi dua iaitu eutanasia aktif dan eutanasia pasif. Eutanasia aktif ulama’ bersepakat bahawa hukumnya haram, sedangkan eutanasia pasif terdapat perbezaan pandangan ulama’. Walau bagaimanapun, kajiannya tidak membincangkan darar dalam pelaksanaan eutanasia terhadap pesakit *COVID-19*. Oleh demikian, kajian ini akan menjelaskan darar dalam pelaksanaan eutanasia terhadap pesakit *COVID-19*.

Undang-undang Jenayah

Dalam perspektif hukum jenayah Islam, bahawa amalan euthanasia aktif tidak memiliki ruang untuk diterima kerana perbuatan ini telah menyalahi cara kehidupan yang Allah ciptakan. Seseorang yang melakukan perbuatan ini, baik keluarga, pesakit sendiri yang meminta ataupun inisiatif dari doktor, semuanya akan dihukum oleh Sang Maha Pencipta. Menurut pandangan

pengamal perubatan menyatakan eutanasia adalah satu usaha bagi membebaskan seseorang dari rasa sakit yang berpanjangan. Namun, dari sudut pandangan lain eutanasis adalah satu jenayah dan bercanggah dengan agama, etika, dan prinsip undang-undang. Senario perbezaan ini mewujudkan kekaburan dari segi undang-undang dan etika perubatan di Malaysia. Beliau mencadangkan terdapat keperluan berkaitan mekanisme yang lebih jelas dari aspek undangundang dan etika perubatan berkaitan eutanasia di Malaysia. Oleh itu terdapat keperluan yang amat jelas untuk pembentukan kerangka undang-undang bagi mengawal selia penjagaan kesihatan di akhir hayat di Malaysia. Tujuannya untuk memberikan panduan yang lebih jelas kepada pengamal perubatan dan jaminan tentang kesahan tindakan mereka.

Kod Etika Doktor

Hasil kajian Pertama Eutanasia bertentangan dengan kode etik kedokteran meskipun praktik ini diterapkan di beberapa negara melalui prosedur dan persyaratan yang harus dipenuhi. Kedua mudarat harus dihilangkan akan tetapi tidak bisa dihilangkan dengan kemudaratn yang lain. Ketiga Eutanasia terbagi dua yakni Eutanasia aktif dan Eutanasia pasif. Eutanasia aktif ulama bersepakat bahwa hukumnya haram, sedangkan Eutanasia pasif terdapat perbedaan ulama didalamnya. Di Indonesia eutanasia tidak boleh dilaksanakan dan diklasifikasi sebagai perbuatan haram. Kedua-dua undang-undang positif dan kod etika berkaitan melaksanakan eutanasia adalah tidak dibenarkan, dari sudut pandangan Islam pula eutanasia aktif adalah suatu perbuatan yang ditegah dan akan dihukum oleh Allah dengan hukuman neraka bagi yang melakukannya.

Sebahagian pengamal perubatan menyatakan eutanasia adalah bertentangan dengan kod etika doktor meskipun amalan ini diterapkan di beberapa buah negara melalui prosedur dan persyaratan yang wajib dipenuhi. Eutanasia terbahagi dua iaitu eutanasia aktif dan eutanasia pasif. Ulama' bersepakat bahwa eutanasia aktif hukumnya haram, sedangkan eutanasia pasif terdapat perbezaan ulama' di dalamnya.

Moral

Pada sudut Moral kemanusiaan, euthanasia dianggap sebagai tindakan yang tidak bermoral bagi sebahagian masyarakat. Selain itu, berdasarkan perspektif hukum Islam tindakan euthanasia aktif merupakan suatu tindakan yang disamakan dengan pembunuhan terancang dan ianya bercanggah dengan syarak. Seterusnya, euthanasia pasif yang merupakan tindakan menghentikan perubatan atau tidak memberikan perubatan. Dalam hal ini para ulama' berbeza pendapat kerana mengubati atau berubat dari penyakit tidak wajib hukumnya.

CADANGAN

Berdasarkan analisis yang telah dilakukan, terdapat beberapa kelompongan terhadap kaji-kajian lepas berkaitan darar dalam pelaksanaan eutanasia yang sedia ada. Kajian-kajian pada masa akan datang adalah penting bagi menentukan hukum berkaitan pelaksanaan eutanasia terhadap pesakit COVID-19 yang belum mati otak.

KESIMPULAN

Eutanasi terbahagi kepada dua iaitu eutanasia aktif dan eutanasia pasif. Eutanasia aktif ulama' telah bersepatat bahawa hukumnya adalah haram dan berdosa manakala eutanasia pasif pula ulama' telah berbeza pandangan bahawa ada yang mengharuskan oleh kerana pesakit tersebut telah mati otak dan ada ulama' yang telah mengharamkannya. Walaupun begitu, belum ada lagi perbincangan satu hukum pelaksanaan eutanasia yang terkait pesakit yang belum mati otak tetapi keadaan ketika itu adalah pandemik yang menyebabkan terhadnya fasiliti dan alat perubatan di hospital yang dapat merawat pesakit. Artikel ini juga telah mencadangkan kajian lanjutan yang berpotensi untuk diterokai iaitu kajian berkenaan hukum pelaksanaan eutanasia terhadap pesakit COVID-19 ketika pandemik.

RUJUKAN

Al-Quran

Buku

al-Suyuti, 'Abd al-Rahman bin al-Kamal. (1983). *al-Ashbah wa al-Nazair fi Qawa'id wa Furu' Fiqhi al-Syafi'iyah*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyah.

Suparmin, S (2013). *al-Qawa'id al-Fiqhiyah al-Khassah fil al-Ibadah wa Tatbiqatihah*. al-Irsyad 3: 79-95.

al-Khadimi, Nur al-Din Mukhtar (2007). *al-Qawaid al- fiqhiyyah*. Tunis: Jamiah Tunis al-Iftiradhiah.

Ibn Manzur, Muhammad bin Makram (t.t). *Lisan al-Arab*. Beirut: Dar al-Fikr.

Zaydan, 'Abd al-Karim (2001). *al-Wajiz fi syarah al-Qawaid al-Fiqhiyyah fi al-Syariah al-Islamiyyah*. Beirut: Mu'assasah al-Risalah.

Wahbah Az-Zuhaili, Konsep Darurat Dalam Hukum Islam, (Jakarta: Gaya Media Pratama, 1997), hlm.72

Duski Ibrahim, *Al-qawaid Al- Fiqhiyyah*, (Palembang: CV. Amanah, 2019), hlm, 78.

al-Nadawi, 'Ali Ahmad. *al-Qawa'id al- fiqhiyyah*, Damsyik: Dar al-Qalam, cet. 4, h. 158.

Sadlan, Salih bin Ghanim (1417H). *al-Qawaid al-Kulliyah al-Kubra wa ma Tafarra'* 'Anha. alRiyadh: Dar Balansiah.

Ibn Nujaym. t.th. *al-Asyabah wa al Nadha'ir*. Dimashq: Dar al-Fikr.

Ibn Kathir, Ismail (t.th). *Tafsir Ibn Kathir*. Beirut: Dar al-Jil.

Artikel

Nor Musfirah Mohamad, Azhan Taqiyaddin Arizan (2021) Aplikasi Kaedah Fiqh ‘Tiada Mudarat Dan Tidak Boleh Memberi Mudarat’ (*La Darar Wa La Dirar*) Dalam Mendepani Isu Pandemik Covid-19 Di Malaysia. *Malaysian Journal For Islamic Studies* 5(1) : Hlm 153-166.

Zulfaqar Mamat (2020) Aplikasi Kaedah Fiqh “*La Darar Wa La Dirar*” Dalam Isu Covid-19 Di Malaysia. *Insla E-Proceedings* Vol. 3, No.1, Pp. 331 - 339 October 2020

Zanariah Dimon (2019) *Darar* Emosi Terhadap Isteri Dalam Perkahwinan Menurut UndangUndang Di Malaysia. *Journal Of Muwafaqat* Vol. 2, No. 1, 2019, Pp. 99-115

Andi Nur Afifah Ikrimah, Kasman Bakry, Asnawati Patuti (2020) Eutanasia Dalam Perspektif Kaidah Fikih Al-*Ḍararu Lā Yuzālu Bi Al-Ḍarar*. *Bustanal Fuqaha : Jurnal Bidang Hukum Islam*. Vol.1 No.4. Disember 2020. Hlm 692-708

Didi Mashudi, Mohamad Andri Ibrahim, Fadilah Ilahi (2018) Analysis Of The Implementation Of *Fikkiyah Ad- Dhararu Yuzaal* Principle For Investment Of Indonesian Hajj Funds. Atlantis Press. : *Advances In Social Science, Education And Humanities Research, Volume 307*. 1st Social And Humaniora Research Symposium (Sores 2018). Hlm 219-221.

Muiz, A (2020). Asas dan Fungsi al- Qawa'id al-Fiqhiyyah dalam Masalah Hukum Islam. *alAfkar: Journal For Islamic Studies*, 3(1): 103-114.

Andi Nur Afifah Ikrimah, Kasman Bakry, Asnawati Patuti (2020) Eutanasia Dalam Perspektif Kaidah Fikih Al-*Ḍararu Lā Yuzālu Bi Al-Ḍarar*. *Bustanal Fuqaha : Jurnal Bidang Hukum Islam*. Vol.1 No.4. Disember 2020. Hlm 692-708.

Kasman Bakry Et Al. (2020) Eutanasia Dalam Perspektif Kaidah Fikih Al-*Ḍararu Lā Yuzālu Bi Al-Ḍarar*. *Bustanal Fuqaha Jurnal Bidang Hukum Islam*. Vol. 1 No. 4 Desember 2020. Hal 692-708.

Zilafania Rahmawati & Ashif Az Zafi (2020) Euthanasia Dalam Pandangan Moral, Kode Etik Kedokteran Dan Perspektif Hukum Islam. *Alhurriyah : Jurnal Hukum Islam* Vol. 06. No. 02. Juli-Desember 2020. Hlm 182-195

Indra Bachri, Eutanasia Dalam Perspektif Hukum Islam (2019). *Jurnal Tatsqif*, Vol 4. Nombor 8. Julai 2019. Hlmn 1-12.

Yohanes Firmansyah Et. Al (2020) Two Side Coins Of Euthanasia: Mercy-Killing Or Evil According To Human Rights, Religion, Ethics And The Law international. *Journal Of Law*. Volume 6; Issue 6; 2020; Page No. 111-118

Arif Dian Santoso, Astri Fitriani (2020) Praktik Euthanasia Terhadap Pasien Covid-19 Pada Masa Pandemi Ditinjau Dari Fiqih Jinayah Syari'ah. *Journal Of Indonesian Comparative Of Syari'ah Law*. Volume 3, Number 2, December 2020. Hlm 179-193

Fadhlina Alias (2021) Menghentikan Rawatan Sokongan Hayat Pesakit Terminal: Implikasi Undang-Undang Kanun. Januari 2021. Hlm. 185-194

Zilafania Rahmawati & Ashif Az Zafi (2020) Euthanasia Dalam Pandangan Moral, Kode Etika Kedokteran Dan Perspektif Hukum Islam. Alhurriyah : Jurnal Hukum Islam Vol. 06. No. 02. Juli-Desember 2020. Hlm 182-195

Prosiding

Zulfaqar Mamat (2020) Aplikasi Kaedah Fiqh “*La Darar Wa La Dirar*” Dalam Isu Covid19 Di Malaysia. Insla E-Proceedings Vol. 3, No.1, Pp. 331 - 339 October 2020.

Al-Ieslah Badrul Hisham Et Al. (2021) Analisis Isu Berkaitan Eutanasia Dari Sudut UndangUndang Dan Etika Perubatan. Proceedings Of The Tuanku Ja’afar Conference And Workshop 2021 (Tjc 2021) Access To Justice: Substantive & Procedural Issues (Virtual Conference) Setiyawan Gunardi, Lukman Abdul Mutalib , Mohd Soberi Awang, Wan Abdul Fattah Wan Ismail , Ahmad Syukran Baharuddin, Abdul Manan Ismail, Siti Fatimah Salleh, Muhammad

Hazim Ahmad (2020) Konsep Dan Aplikasi Fiqh Darurat Dalam Menyelesaikan Isu-Isu Fiqh Semasa Menghadapi Penularan Pandemik Covid-19. Insla E-Proceedings Vol 3 No.1, Pp. 566574 October 2020

Tesis

Eka Fatimah Saktiana,(2021) Konsep Darurat Dalam Hukum Islam: Kajian Terhadap Fatwa Mui Nomor 33 Tahun 2018 Tentang Penggunaan Vaksin Measles Rubella Untuk Imunisasi Tesis Sarjana. Program Studi Perbandingan Mazhab Fakultas Syari’ah Universitas Islam Negeri Sulthan Thaha Saifuddin Jambi 2020/2021

Portal Rasmi

<https://covid-19.moh.gov.my/terkini/012020/situasi-terkini-25-jan2020/04%20KPK%2025012020.pdf>. Diakses pada 30/11/2022.

Berita Online

<https://www.astroawani.com/berita-malaysia/covid19-kes-dijangka-mendadak-persiapan-pusatkuarantin-di-maeps-dijalankan-235746>. Diakses pada 01/12/2022.

<https://www.sinarharian.com.my/article/118573/KHAS/Covid-19/Fasiliti-KKM-tidak-mamputampung-pesakit-Covid-19>. Diakses pada 30/11/2022.

<https://www.malaysiakini.com/news/572657>. Diakses pada 30/11/2022.

<https://www.utusan.com.my/covid-19/2021/01/hospital-pusat-kuarantin-sesak/>. Diakses pada 30/11/2022.

<https://www.astroawani.com/berita-malaysia/covid19-lebih-50000-pesakit-tahap-4-dan-5direkodkan-pada-april-hingga-jun-303122>. Diakses pada 30/11/2022.